



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

**MALAYSIA GST COMPLIANCE
ASSURANCE PROGRAMME
(MyGCAP)**

PANDUAN UMUM

Penerbitan

Tarikh Penerbitan: 17 April 2018

Notis Hakcipta

Hakcipta 2018 Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Hakcipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta 1987 (Malaysia)

Panduan ini boleh ditarikbalik, samada sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan penerbitan satu panduan baru. Penerbitan mana-mana bahagian samada disimpan dalam satu sistem yang boleh diperolehi semula ataupun dihantar dalam apa bentuk termasuk 'di tapak' untuk tujuan komersial, tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Dalam penerbitan semula atau memetik isi kandungannya, pengakuan sumber adalah diperlukan.

Notis Penafian

Maklumat ini bertujuan memberi satu pemahaman umum tentang *Malaysia GST Compliance Assurance Programme (MyGCAP)*. Ia tidak berhasrat untuk menangani semua isu yang mungkin berbangkit secara menyeluruh. Sungguhpun Jabatan Kastam Diraja Malaysia berinisiatif untuk memastikan semua maklumat dalam Panduan ini adalah betul, Jabatan Kastam Diraja Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung dalamnya, ataupun sebarang kerugian kewangan atau lain yang tertanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Semua maklumat adalah terkini semasa penyediaan dan tertakluk kepada pindaan apabila timbul keperluan.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Objektif MyGCAP	1
Gambaran Keseluruhan MyGCAP	1
MANFAAT MyGCAP	2
SYARAT-SYARAT KELAYAKAN	
Penyertaan MyGCAP	2
Menjadi <i>MyGCAP Reviewer</i>	3
TANGGUNGJAWAB	
Pemohon MyGCAP	4
<i>MyGCAP Reviewer</i>	5
PROSES MyGCAP	6
PEMBERIAN TARAF MyGCAP DAN PEMANTAUAN	7
PEMBATALAN TARAF MyGCAP SEBELUM TARIKH TAMAT	8
PERUBAHAN STRUKTUR PENDAFTARAN GST	8
PEMBAHARUAN TARAF MyGCAP	9
MAKLUMAT LANJUT	10

PENGENALAN

1. *Malaysia GST Compliance Assurance Programme (MyGCAP)* adalah merupakan suatu inisiatif perkongsian bistari di antara Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan perniagaan-perniagaan berdaftar GST. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan perniagaan-perniagaan mengurus risiko GST dengan lebih baik serta memperbaiki pematuhan secara sukarela dalam satu rangka kerja yang teguh dan berkesan. Panduan Umum ini adalah untuk memberi pemahaman yang lebih baik tentang perkara-perkara berhubung dengan MyGCAP.

Objectif MyGCAP

2. Objektif utama inisiatif ini adalah memupuk pematuhan sukarela dan berterusan di kalangan perniagaan-perniagaan berdaftar GST. Penyertaan dalam MyGCAP akan memberi panduan dalam menjalankan satu ulasan holistik berdasarkan risiko GST ke atas keberkesanan kawalan dalaman, ke arah mempertingkatkan tahap pematuhan GST pada keseluruhannya.

Gambaran Keseluruhan MyGCAP

3. Sesebuah perniagaan berdaftar GST yang berhasrat memohon taraf MyGCAP hendaklah melantik *MyGCAP Reviewer* yang bebas untuk menjalankan satu ulasan(*review*) tentang cara bagaimana Rangka Kerja Kawalan GST syarikat beroperasi dan membuat verifikasi ke atas transaksi yang berlaku dalam tempoh 12 bulan. Ulasan berkenaan perlu dijalankan berpandukan metodologi yang tertera dalam *MyGCAP Review Guidance*.
4. *MyGCAP Reviewer* adalah diperlukan membuat verifikasi Penyata GST-03 pemohon bagi 12 tempoh bercukai yang bukan berturut-turut, meliputi tiga(3) tahun kewangan syarikat.

5. Pemohon akan diberikan taraf MyGCAP setelah mencapai tahap kawalan GST yang ditetapkan dan pematuhan pengiklanan Penyata GST-03 di samping memenuhi syarat-syarat lain yang berkaitan.

MANFAAT MyGCAP

6. Perniagaan-perniagaan berdaftar GST yang telah diberikan taraf MyGCAP akan menikmati manfaat berikut bagi tempoh empat(4) tahun daripada tarikh kelulusan:

- (i) Pulangbalik GST yang segera;
- (ii) Pembaharuan Skim-Skim Khas secara automatik (umpamanya Skim Pedagang Diluluskan);
- (iii) Pengurangan aktiviti pematuhan dan pengauditan GST melainkan kegajilan dan penyelewengan yang ketara diperhatikan dalam pengiklanan GST;
- (iv) Pengecualian penalti bagi pendedahan sukarela ke atas kesilapan bukan frod yang dikesan melalui *MyGCAP Review*, yang mana akan dipertimbangkan mengikut merit setiap kes;
- (v) Satu pasukan terdiri daripada pakar-pakar (*Subject Matter Experts*) didedikasikan untuk membantu serta menyelesaikan isu-isu GST dengan segera.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Penyertaan MyGCAP

7. Sesebuah syarikat yang memohon taraf MyGCAP adalah dikehendaki memenuhi semua syarat-syarat berikut:

- (i) Merupakan Syarikat-Syarikat Tersenarai Awam(PLCs), Syarikat-Syarikat Berhubungan Kerajaan(GLCs) atau syarikat-syarikat yang mempunyai perolehan tahunan melebihi RM100 ribu;
- (ii) Telah didaftarkan GST sekurang-kurangnya dua(2) tahun;
- (iii) Memegang penyata kewangan teraudit yang terkini tanpa sebarang pendapat berkecualan oleh juruaudit;
- (iv) Tidak dalam siasatan atau pengauditan GST semasa;
- (v) Mempunyai rekod pematuhan yang baik dalam perkara-perkara berhubung perundangan yang ditadbirkan oleh JKDM;
- (vi) Telah mengenalpasti kesesuaian menyertai MyGCAP dengan menjalankan suatu penilaian diri berpandukan *Self-Review Checklist*, dan
- (vii) Berkomited melantik MyGCAP Reviewer yang diiktirafkan untuk menjalankan *review* yang bebas.

Menjadi MyGCAP Reviewer

8. Pengamal-pengamal percukaian yang berhasrat untuk disenaraikan sebagai *MyGCAP Reviewer* yang diiktirafkan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - (i) Merupakan ahli berdaftar kepada salah satu daripada pertubuhan profesional iaitu Malaysian Institute of Accountants (MIA), Chartered Tax Institute of Malaysia(CTIM) dan Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia(MATA);
 - (ii) Telah lulus Peperiksaan Agen Cukai GST;

- (iii) Telah lulus peperiksaan dan temuduga bagi *MyGCAP Reviewers*; dan
 - (iv) Telah diakreditasi sebagai *MyGCAP Reviewer* oleh JKDM.
9. Akreditasi bagi *MyGCAP Reviewer* boleh digantung atau dibatalkan jika mendapati sebarang perbuatan yang mengkompromikan etika profesional dan persekongkolan dalam menghasilkan laporan *MyGCAP Review* yang mengelirukan.

TANGGUNGJAWAB

Pemohon MyGCAP

10. Pemohon MyGCAP bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:
- (i) Melantik sebuah firma yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua(2) orang *MyGCAP Reviewer* yang diakreditasi.
 - (ii) Memudahkan *MyGCAP Reviewer* dalam menyelesaikan proses *review*.
 - (iii) Mengemukakan Laporan *MyGCAP Review* dan *MyGCAP Control Checklist* kepada JKDM dalam tempoh enam(6) bulan daripada tarikh penerimaan permohonan.
 - (iv) Mengemukakan satu deskripsi lengkap tentang kesilapan yang dikesan semasa proses *review*.
 - (v) Menkuantitikan jumlah cukai terlibat mengenai kesilapan tersebut di atas, jika ada, dan membuat pendedahan sukarela kepada JKDM.

- (vi) Memaklumkan sebarang perubahan kepada proses perniagaan yang dirancang bagi 12 bulan ke hadapan.

MyGCAP Reviewer

11. Tanggungjawab MyGCAP Reviewer adalah seperti berikut:

- (i) Membuat verifikasi ke atas Penyata GST-03:
 - (a) bagi perniagaan berdaftar GST di bawah pendaftaran berkumpulan, verifikasi dilakukan ke atas enam(6) tempoh bercukai meliputi tiga(3) tahun kewangan. Tempoh bercukai yang dipilih hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya tiga(3) selang masa yang bukan berturut-turut.
 - (b) bagi pendaftaran individu, verifikasi dilakukan ke atas 12 tempoh bercukai meliputi tiga(3) tahun kewangan. Tempoh bercukai terpilih hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya tiga(3) selang masa yang bukan berturut-turut.
- (ii) Mengemukakan kepada JKDM satu deskripsi lengkap tentang kesilapan yang dikesan semasa proses *review* dan menyatakan pendedahan pemohon kepada liabiliti cukai, sekiranya ada.
- (iii) Mendokumenkan penemuan secara terperinci dalam Laporan MyGCAP Review.
- (iv) Sediakan dan kemukakan Laporan MyGCAP Review dan MyGCAP Control Checklist kepada pemohon.

PROSES MyGCAP

Persiapan Bagi Penyertaan MyGCAP

12. Bakal pemohon MyGCAP digalakkan melaksanakan satu penilaian diri berpandukan *Self-Review Checklist* dalam *MyGCAP Review Guidance*.
13. Setelah menentukan kesesuaian penyertaan, bakal pemohon hendaklah bermula mengumpul dan menyediakan maklumat yang diperlukan untuk *MyGCAP Review*.
14. Perkara-perkara berhubung dengan proses *review* hendaklah merujuk kepada *MyGCAP Review Guidance*.

MyGCAP Review

15. Keseluruhan proses memerlukan fasilitasi dan kerjasama rapat oleh pemohon dengan *MyGCAP Reviewer* ke arah penyempurnaan *review* serta pengemukaan Laporan *MyGCAP Review* tepat pada masanya.
16. *MyGCAP Reviewer* hendaklah menjalankan *review* dan mendokumenkan penemuan dalam corak sepertimana dinyatakan dalam *MyGCAP Review Guidance*.

Pengemukaan Laporan *MyGCAP Review*

17. Laporan *MyGCAP Review* dan maklumat berkenaan yang dinyatakan dalam *MyGCAP Review Guidance* hendaklah dikemukakan kepada JKDM dalam tempoh enam(6) bulan daripada tarikh penerimaan permohonan penyertaan MyGCAP.

Penilaian dan Kelulusan Oleh JKDM

18. Taraf MyGCAP akan diberikan kepada pemohon setelah penilaian dan keputusan dibuat oleh Panel Kelulusan MyGCAP dalam masa tiga(3) bulan daripada tarikh penerimaan Laporan *MyGCAP Review*.

PEMBERIAN TARAF MyGCAP DAN PEMANTAUAN

Penjelasan Cukai

19. Sebarang kesilapan yang dikesan dalam sesuatu *MyGCAP Review* yang membawa kepada pendedahan sukarela amaun cukai terlibat perlu dijelaskan sebelum sesuatu permohonan MyGCAP diluluskan. Ini juga termasuk kesilapan berulang melibatkan GST yang diikrar dalam tahun-tahun sebelumnya.

Tempoh Sah Laku

20. Pemohon-pemohon yang telah memenuhi keperluan dan diluluskan oleh Panel Kelulusan MyGCAP akan diberikan taraf MyGCAP yang sah laku bagi tempoh empat(4) tahun.

Pemantauan Selanjutnya

21. Pemegang taraf MyGCAP dikehendaki melakukan dua(2) *review* susulan sepanjang tempoh sah laku. Kali pertama diselesaikan dalam tempoh 18 bulan daripada tarikh pemerolehan taraf berkenaan dan yang keduanya dilakukan enam bulan sebelum berakhirnya tempoh sah laku.
22. Syarikat-syarikat yang membaharui taraf MyGCAP akan dikecualikan daripada *review* susulan kali yang kedua.

23. Sebarang pendedahan sukarela berhubung kesilapan yang dikesan semasa *review* susulan dalam tempoh sah laku MyGCAP akan juga dipertimbangkan pengecualian penalti berdasarkan merit setiap kes..

PEMBATALAN TARAF MyGCAP SEBELUM TARIKH TAMAT

24. Pemegang taraf MyGCAP hendaklah memaklumkan JKDM tentang kejadian situasi-situasi berikut:
- (i) Kegagalan mematuhi syarat atau keperluan yang ditetapkan oleh JKDM.
 - (ii) Telah memberi maklumat palsu, mengelirukan atau tidak betul berhubung pengikraran Penyata GST-03 ataupun pematuhan Rangka Kerja Kawalan GST.
 - (iii) Telah diberikan laporan berkelayakan oleh juruaudit berkanun atau akauntan umum atas Penyata Kewangan dan perkara-perkara berhubung keberkesanan sistem kawalan dalaman syarikat.
 - (iv) Tidak aktif dan penamatan perniagaan ataupun terletak di bawah penerimaan dan pembubaran.
25. JKDM boleh membatalkan taraf MyGCAP sebelum tarikh tamat sekiranya berlaku kejadian tersebut di atas.

PERUBAHAN STRUKTUR PENDAFTARAN GST

26. Sekiranya terdapat perubahan struktur pendaftaran GST dalam tempoh sah laku, taraf MyGCAP tidak boleh dipindah kepada entiti yang lain.

27. Situasi yang biasa berlaku adalah seperti berikut:
- (i) Syarikat pendaftaran GST secara individu yang bertaraf MyGCAP kemudiannya menjadi ahli kepada pendaftaran berkumpulan yang tidak memegang taraf MyGCAP.
 - (ii) Tarik diri daripada pendaftaran GST berkumpulan yang memegang taraf MyGCAP dan kemudiannya menjadi pendaftaran GST secara individu.
 - (iii) Penggabungan dan pengambilalihan yang melibatkan pemegang-pemegang taraf MyGCAP. Perlanjutan taraf MyGCAP yang berpunca daripada kejadian sedemikian akan dinilai secara individu oleh JKDM.

PEMBAHARUAN TARAF MyGCAP

28. Pemegang taraf MyGCAP yang ingin membaharuinya adalah tertakluk kepada suatu *review* pembaharuan sebelum penamatan tempohnya.
29. JKDM akan menentukan perkara-perkara seperti pengikraran penyata, tempoh bercukai, jenis kawalan yang hendak diuji dan dokumen-dokumen atau saiz sampel untuk *review*.
30. Seorang *MyGCAP Reviewer* yang bebas perlu dilantik untuk melaksanakan *review* berkenaan dan mengemukakan laporan dalam tempoh tiga(3) bulan selepas tarikh tamat.

MAKLUMAT LANJUT

Bagi maklumat lanjut dan pertanyaan berhubung MyGCAP dan isi kandungan Panduan Umum ini, sila hubungi:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Pengurusan Pematuhan
Level 2, Block A, Menara Tulus,
Persiaran Perdana, Precint 3
62100 Putrajaya

Tel: 03-88822461, 03-88824885, 03-88824886